



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## KENYATAAN MEDIA

---

### KEJADIAN IKAN MATI DI TASIK TAMAN DANAU KOTA, KUALA LUMPUR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil maklum mengenai kejadian ikan mati yang berlaku di Tasik Taman Danau Kota, Kuala Lumpur baru-baru ini. Susulan kejadian tersebut, siasatan awal dan pemantauan di lokasi telah dilaksanakan bagi mengenal pasti punca serta mengambil tindakan sewajarnya.

Untuk makluman, Tasik Taman Danau Kota merupakan sebuah taman rekreasi yang turut berfungsi sebagai kolam takungan banjir. Kejadian ikan mati seperti ini pernah berlaku di beberapa tasik dan kolam takungan banjir sekitar Kuala Lumpur, khususnya selepas hujan lebat berterusan. Air yang mengalir masuk ke tasik daripada kawasan tadahan sekitarnya lazimnya membawa sedimen, bahan organik, sampah dan bahan pencemar melalui sistem saliran sebelum memasuki tasik.

Berdasarkan pemerhatian awal, kejadian ini dipercayai berpunca daripada hujan lebat berterusan yang menyebabkan penurunan kandungan oksigen terlarut (Dissolved Oxygen - DO), perubahan kualiti air serta kemasukan sedimen dan bahan pencemar ke dalam tasik. Faktor-faktor ini boleh memberi tekanan kepada hidupan akuatik dan menjejaskan kelangsungan hidup ikan.

Mukasurat | 1



dbkl2u



dewanbandarayakualalumpur



dbkl2u



dbkltv



dbkl.tt

Sehubungan itu, DBKL telah mengambil tindakan segera dengan melaksanakan kerja-kerja pembersihan ikan mati bagi mengelakkan pencemaran air yang lebih serius, mengurangkan risiko kesihatan awam serta memastikan keselesaan pengunjung. Selain itu, perangkap sampah turut dipasang di saluran masuk tasik bagi mengawal kemasukan sampah terapung dan bahan pencemar. DBKL juga telah menjalankan pensampelan air bersama Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan pada 16 Jun 2026 bagi tujuan analisis kualiti air dan mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada kejadian tersebut.

DBKL akan terus memantau keadaan tasik serta melaksanakan tindakan yang bersesuaian bagi memastikan kawasan rekreasi ini kekal selamat, bersih dan selesa untuk kegunaan warga kota.

Unit Media  
Jabatan Perancangan Korporat  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
17 Jun 2026  
e-mel : akhbar@dbkl.gov.my

